

12/11/1998

Fennell ucap tahniah kejayaan KL '98

KEJAYAAN gemilang penganjuran Sukan Komanwel XVI, September lalu, mendapat pengiktirafan apabila Pengerusi Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), Michael Fennell, mengutuskan ucapan tahniah serta terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta kerajaan Malaysia, semalam.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata perkara itu turut dimaklumkan dimaklumkan dalam mesyuarat mingguan Kabinet.

Dalam suratnya, Fennell antara lain berkata Sukan Komanwel XVI sudah menjadi sejarah tetapi akan diingati sebagai yang terbaik abad ini, bukan saja kepada penganjurnya, Kuala Lumpur, tetapi juga jutaan orang yang menyaksikannya menerusi televisyen.

"Kejayaan temasya itu bukan saja hasil sokongan kuat kerajaan biarpun berdepan kegawatan ekonomi tetapi juga daripada minat anda sendiri (Dr Mahathir)," kata Fennell.

Biarpun pada awalnya wujud keraguan terhadap keupayaan negara menganjurkan temasya itu kerana menghadapi masalah, antaranya kegawatan ekonomi serta jerebu serta serangan media asing, ia jelas dinafikan dengan kejayaan penganjuran yang gemilang.

Pengerusi CGF itu mengucapkan terima kasih serta tahniah kepada kerajaan Malaysia serta Dr Mahathir secara peribadi berdasarkan kejayaan gemilang penganjuran temasya itu.

"Tahap baru penganjuran temasya itu jelas sudah ditetapkan hasil kejayaan gemilang temasya yang dianjurkan Malaysia.

"Ia akan menjadi cabaran kepada jawatankuasa penganjur pada masa depan untuk mencapai status yang sudah ditetapkan itu," katanya.

(END)